

Pemerintahan baik AMP diiktiraf

Satu-satunya badan Melayu terima Anugerah Pujian Khas daripada Majlis Badan Amal

► **SHAMSUL JANGARODIN**
shamj@sph.com.sg

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) semalam menjadi satu-satunya badan Melayu/Islam (MMO) yang diberikan Anugerah Pujian Khas bagi Perekrutan dan Pembaharuan Anggota Lembaga daripada Majlis Badan Amal sebagai mengiktiraf

pemerintahan baik yang diamalkan badan tersebut.

Tahun ini merupakan kali pertama Majlis Badan Amal memperkenalkan Anugerah Khas Kepujian itu – dua badan menerimanya tahun ini – di Majlis Anugerah Pemerintahan Badan Amal yang diadakan buat tahun kedua.

Satu lagi penerima Anugerah Pu-

jian Khas tersebut ialah badan bantu diri, Persatuan Pembangunan Masyarakat India Singapura (Sinda).

Majlis pemberian anugerah diadakan di Hotel Novotel Clarke Quay.

Menyambut baik pengiktirafan tersebut, Pengarah Eksekutif AMP, Encik Mohd Anuar Yusop, berkata ia satu testimoni bahawa amalan pemerintahan AMP berada di landasan

yang betul dan pada piawaian yang tinggi.

“Sebagai MMO pertama yang diberi pengiktirafan ini, AMP berharap dapat menjadi sebuah badan contoh bagi MMO lain untuk sama-sama mencapai taraf pemerintahan baik yang diamalkan,” ujarnya.

Di bawah proses perekrutan dan pembaharuan AMP, badan itu mewajibkan sekurang-kurangnya dua pengarah bersara setiap dua tahun bagi memberi laluan kepada pengarah baru.

Seorang pengarah boleh memegang jawatan bagi tempoh maksimum enam tahun dan tidak boleh dilantik semula bagi tempoh setahun setelah bersara.

Pengecualian diberikan kepada Pengerusi, di mana tempohnya boleh dilanjutkan selama dua tahun lagi bagi memastikan terdapat kesinambungan dalam kepimpinan AMP.

Di acara sama, dua badan amal, Persatuan Palang Merah Singapura (SRC) dan Persatuan Pemuda Kristian (YMCA), pula merangkul anugerah tertinggi Majlis Badan Amal atas pemerintahan cemerlang yang diamalkan mereka.

Keempat-empat badan itu menerima anugerah mereka daripada Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong.

Dalam ucapannya, Encik Wong

menekankan bahawa badan-badan amal perlu memberikan tumpuan tinggi pada pemerintahan yang baik “agar dapat mengekalkan kepercayaan dan keyakinan awam dalam sektor amal”.

“Banyak penderma korporat dan dermawan menganggap diri mereka sebagai penjaga kekayaan mereka. Mereka tidak mahu sekadar menulis cek dan menyerahkan wang kepada sesebuah badan.

“Sebaliknya mereka mahu badan-badan tersebut diurus dengan baik untuk menghasilkan nilai, dan mereka juga mahu lebih mendekati badan-badan itu dalam melakarkan program-program yang disokong,” kata Encik Wong.